

29 MAY 2002

Mahathir-Puji/I

MAHATHIR PUJI KEMURAHAN HATI RAKYAT

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini melahirkan rasa puas hati terhadap kesediaan dan kemurahan hati masyarakat Malaysia dalam menyumbang kepada usaha yang bermakna.

Perdana Menteri berkata beliau gembira dengan sikap mereka kerana hanya menerusi kemurahan hati masyarakat berada, golongan kurang bernasib baik berpeluang menikmati hidup yang lebih baik.

"Saya amat gembira kerana di Malaysia rakyatnya sangat bermurah hati. Jarang kita jumpa mereka yang tidak bersedia memberikan sumbangan kepada usaha yang bermakna," katanya pada majlis makan amal anjuran Yayasan S.P. Setia di sini.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia perlu sentiasa memikirkan mengenai golongan yang kurang bernasib baik kerana golongan seperti itu memerlukan berbagai bantuan terutama bagi mendidik anak-anak mereka.

"Jika mereka terlalu miskin, mereka tidak dapat belajar, mereka tidak dapat membaiki taraf hidup. Tetapi jika dihulurkan bantuan maka mereka berpeluang belajar dan memperolehi kelulusan yang dapat membuka peluang pekerjaan dan mereka dapat menyara hidup," katanya.

Dr Mahathir berkata golongan peniaga tentu sahaja mampu untuk menghulurkan bantuan kerana mereka mengaut keuntungan daripada masyarakat.

Sebanyak 1,500 tetamu menghadiri jamuan amal yang mengutip RM3.93 juta untuk yayasan itu.

Pada majlis itu, Dr Mahathir menerima RM300,000 bagi pihak Bakti manakala Menteri Kerja Raya dan Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu menerima RM100,000 untuk Maju Institute of Educational Development.

Yayasan S.P. Setia ditubuhkan dua tahun lepas dan kegiatan utamanya adalah melaksanakan program anak angkat murid-murid miskin.

Hampir 1,400 pelajar dari 64 buah sekolah seluruh negara telah menikmati bantuan menerusi program itu.

-- BERNAMA

NM MAM MOZ